

27/01/2003

Semakin banyak negara Islam iktiraf Malaysia: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

SUBANG: Semakin banyak negara Islam mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju dan sederhana, meskipun parti Pas tidak pernah mengaku hakikat itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pemimpin negara Islam yang ditemuinya ketika di Mesir, Lubnan dan Switzerland menganggap Malaysia sebagai negara contoh bagi negara Islam lain, malah meminta bantuan Kuala Lumpur membantu membangunkan pembangunan infrastruktur terutama di Lubnan.

Katanya, Presiden Lubnan, Emile Lahoud yang beragama Kristian turut menganggap Malaysia negara contoh selain Perdana Menteri, Rafic Hariri dan anggota kabinetnya.

"Ya benar...setiap orang anggap macam itu seperti Hariri dan semua kabinetnya termasuk Presiden Lahoud, seorang Kristian yang anggap Malaysia sebagai negara contoh. Begitu juga mereka di Beirut atau Mesir.

"Orang Arab yang saya jumpa di Davos, semuanya mengiktiraf Malaysia sebagai contoh bagi negara Islam," katanya sekembalinya dari lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di sini semalam.

Menjawab soalan jempunan Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir memintanya berucap sebagai pengiktirafan kepada Malaysia sebagai negara Islam, beliau berkata, itu terpulang kepada orang membuat tafsiran.

"Tetapi ini kali kedua saya bercakap di Universiti Al-Azhar, dulu saya bagi ucapan sebelum dianugerah ijazah Al-Azhar," katanya.

Dr Mahathir dianugerahkan doktor falsafah persuratan dari Universiti Al-Azhar pada 10 Mei 1998 kerana sumbangannya memajukan Islam menerusi pandangan dan sikapnya berhubung perjuangan Islam.

Anugerah itu adalah yang kedua pernah diberikan oleh universiti itu. Presiden Sukarno menerima anugerah itu, kira-kira 30 tahun lalu.

Perdana Menteri, yang mengadakan pertemuan dengan Ulama Besar Universiti Al-Azhar Dr Mohamed Sayed Tantawi minggu lalu, dijemput berucap dan beliau adalah satu-satunya pemimpin negara asing dalam tempoh 50 tahun berucap di universiti Islam tertua dan terkenal itu.

Ditanya apakah jempunan yang julung kali itu juga sebagai pengiktirafan kepadanya sebagai pemimpin dunia Islam sejagat, Dr Mahathir dengan rendah diri berkata: "Mana saya tahu, dia iktiraf ke tak."

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut hadir pada sidang akhbar itu, menjawab: "Saya kata itu adalah pengiktirafan sebagai pemimpin negara Islam pada hari ini yang telah pun membuktikan kejayaan memimpin negara Islam di Malaysia dan menjadi contoh

kepada negara lain," katanya.

Apabila ditanya Pas masih tidak mahu mengakui hakikat itu, Dr Mahathir berkata sampai mati pun parti pembangkang itu tidak akan mengaku dan "kita tahulah masalah dia, dia nak mengaku tapi kalau dia mengaku dia kena tutup Pas."

Mengenai laporan Pas menyalahgunakan wang zakat bagi membiayai pengajian

lapan anak pemimpin PAS, Perdana Menteri berkata, beliau kluatir penggunaan zakat bagi tujuan itu menyebabkan orang yang lebih miskin tidak memperolehnya.

Ditanya mengenai tindakan Kerajaan Terengganu dan pimpinan Pas memberikan tanah kira-kira 50 hektar kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Ladang, Dr Sulaiman Abdullah, beliau berkata:

"Yalah... beri tanah, naik gaji. Dulu mengatalah kat orang tapi bila baru dapat kuasa, baru banyak tu orang Kedah kata banyak cet (jumlah yang kecil saja) dah tunjuk nak guna kuasa untuk kepentingan diri," katanya.